



M E M O

PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN (CIAST) JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

RUJUKAN : CIAST 100-1/7/1(26)

TARIKH : 11 Julai 2012

PERKARA : ARAHAN PENGURUSAN BIL. 13 TAHUN 2013 KEMUDAHAN RUMAH KHAS JABATAN	
DARIPADA : Pengarah CIAST	SALINAN :
KEPADA : Penghuni Rumah Khas Jabatan CIAST	KP JPK
MELALUI : TP, KB DAN KP PEM	Fail Timbul

1. TUJUAN



Memaklumkan pemberian kemudahan Rumah Khas Jabatan kepada jawatan-jawatan penting di CIAST.

2. LATAR BELAKANG

2.1 CIAST menyediakan **40 unit Rumah Kerajaan** untuk kemudahan kediaman kakitangan yang berkhidmat di CIAST. Keutamaan diberi kepada kakitangan daripada kumpulan sokongan.

2.2 Rumah Khas Jabatan perlu disediakan untuk kemudahan penyandang jawatan-jawatan penting yang diperlukan perkhidmatannya termasuk tugas-tugas di luar waktu pejabat selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil.11 Tahun 2002.

2.3 Ybhg Dato Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran pada 17 Mei 2013 telah meluluskan cadangan penyediaan kemudahan Rumah Khas Jabatan kepada jawatan-jawatan berikut:

- a. Penyelia Asrama Gred N17/N22 ('On Call')
- b. Penjaga Jentera Elektrik R17/22 ('On Call')
- c. Pemandu Kenderaan Gred R3/6 ('On Call')

ah Asirah
utk PEM grp.
10
11/7

2.4 Pegawai yang menduduki Rumah Khas Jabatan akan diberi bayaran Rumah Khas Kerajaan (50% daripada Imbuhan Tetap Perumahan). Manakala Elaun Bantuan Sara Hidup pegawai dibayar 50% selaras dengan Surat Pekeliling Akauan Negara Malaysia Bil. 1 Tahun 2012.

3. ARAHAN

- 3.1 Pegawai yang diperuntukkan Rumah Khas Jabatan tiada pilihan untuk tinggal di rumah lain memandangkan rumah berkenaan diperuntukkan atas keperluan tugasnya. Jika pegawai tidak menduduki rumah yang diperuntukkan, pegawai tidak layak Bayaran Perumahan Khas serta Imbuhan Tetap Perumahan.
- 3.2 Senarai tugas penyandang hendaklah termasuk 'pegawai bertanggungjawab untuk melaksanakan tugas-tugas khas di luar waktu pejabat apabila diperlukan'.
- 3.3 Penyandang jawatan yang disediakan kemudahan Rumah Khas Jabatan hendaklah ~~boleh~~ setiap masa sentiasa bersedia menerima arahan untuk bertugas di luar waktu pejabat bila diperlukan.

4. TARIKH KUAT KUASA

Tarikh kuatkuasa peraturan ini mulai dari tarikh pegawai menduduki rumah kerajaan dan menerima kemudahan Bayaran Perumahan Khas.

Kerjasama tuan/puan dipohon bagi menentukan peraturan di atas dipatuhi sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "
" Pekerja Pemangkin Transformasi Negara "


(GHAZLAN BIN GHAZALI)

Pengarah CIAST